

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 FEB 2015



Najib melakukan **tinjauan harga barangan di pasar malam Seri Serdang**, Seri Kembangan, semalam.

BH - 10/2/2015

Najib tinjau pasar malam

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam melakukan lawatan mengejut ke pasar malam Seri Serdang, Seri Kembangan bagi meninjau sendiri harga barangan, khususnya menjelang Tahun Baharu Cina.

Perdana Menteri berkata,

beliau berpuas hati dengan harga barangan basah seperti sayur-sayuran dan ikan segar yang dijual pada harga berpatutan.

Ikut nasihat kerajaan

“Alhamdulillah saya lihat peniaga di sini mengenakan

harga yang berpatutan, seiring nasihat kerajaan supaya bersikap adil kepada pengguna dengan harga mi-nyak kini sudah turun serta musim perayaan akan tiba tidak lama lagi.

“Seronok lihat suasana riuh-rendah dan pelbagai ba-

“
Seronok lihat suasana riuh-rendah dan pelbagai barangan basah dijual di sini. Saya juga sempat bersembang dengan peniaga untuk bertanyakan harga barangan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

rangan basah dijual di sini. Saya juga sempat bersembang dengan peniaga untuk bertanyakan harga barangan,” katanya dalam entri di laman sosial facebooknya.

Beramah mesra dengan pengunjung

Najib yang mengenakan meja putih lengan panjang meluangkan masa meninjau jualan barangan keperluan harian di pasar malam itu, selain beramah mesra dengan pengunjung.

Tinjauan itu adalah selaras dengan saranan kerajaan menggesa peniaga menu-runkan harga barangan berikutan penurunan harga mi-nyak.